

103

NO. SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENNA]**

TARIKH : 27 MAC 2018

SOALAN :

YB. Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapa ringgit Malaysia yang sudah dibelanjakan untuk Program IMAMS dan berapa jumlah pampasan yang dibayar atas pembatalan serta apakah terma perjanjian pengagihan antara Kementerian dan syarikat dari caj RM90.00.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Sistem Pemantauan Manasik Bersepadu (IMAMS) yang telah pun dibatalkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan adalah inisiatif pihak swasta dan tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan dan perundangan kepada Kerajaan. Sehubungan itu, tiada sebarang bayaran pampasan telah dibayar kepada pihak syarikat.

Pada masa yang sama, tiada sebarang perjanjian yang telah ditandatangani mengenai terma pengagihan di antara Kementerian dengan pihak syarikat.

Sekian, terima kasih.